

Tempoh jaminan perumahan dilanjut dua tahun

Oleh ZUNAIDAH ZAINON

GENTING HIGHLANDS 25 Feb. - Pembeli rumah dan bangunan akan menikmati lebih perlindungan apabila Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melanjutkan tempoh jaminan kepada dua tahun apabila akta berkaitannya dipinda April ini.

Menterinya, Datuk Seri Ong Ka Ting (**gambar**) berkata, lanjutan tempoh itu daripada 18 bulan adalah sebahagian daripada Perjanjian Jual Beli yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) yang dipinda.

Beliau berkata, ini bermakna pembeli tidak perlu menanggung beban yang banyak terutama membabitkan kos membaiki kerosakan rumah atau kelewatan pemaju menyerahkan rumah kepada pembeli.

"Tempoh lanjutan itu amat bertepatan bagi memastikan pengguna mendapat hak

Tempoh lanjutan itu amat bertepatan bagi memastikan pengguna mendapat hak mereka yang sewajarnya

mereka yang sewajarnya.

"Bagi sesetengah orang, membeli rumah adalah perkara penting dalam hidupnya kerana ia melibatkan duit yang banyak," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Kumpulan Genting, Tan Sri Lim Kok Thay dan Timbalan Pengerusi Genting Berhad, Tun Mohammed Hanif Omar.

Terdapat enam akta yang dipinda serentak iaitu Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Pemaju Perumahan 1966 dan Akta Hak Milik Strata 1986.

Ia juga melibatkan Akta Pendaftaran Ju-

rutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Kesemua undang-undang itu terletak di bawah tiga kementerian iaitu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli.

Kabinet juga telah bersetuju meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Ka Ting menambah, pindaan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) akan meningkatkan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah hing-

um-26/2/2007

ONG KA TING
Menteri Perumahan
dan Kerajaan
Tempatan



ga RM50,000 berbanding RM25,000 sebelum ini.

"Ini semua akan dilaksanakan apabila pindaan akta dibuat pada April depan cuma tarikh masih belum ditentukan. Ia akan diumumkan kemudian," katanya.